

Newspaper

Berita Harian

Date

20 February 2016

Generasi muda dapat kenali sisi berbeza PM

» Pameran fotografi NSTP kongsi suasana, perjalanan politik Najib

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pameran fotografi sempena pelancaran buku koleksi Najib Razak *40 Years 40 Pictures* di ruang legar KL Sentral di sini, memberi peluang generasi muda mengenali sisi berbeza Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang tidak pernah diperlihatkan kepada umum.

Pameran yang berlangsung selama lima hari bermula 17 Februari itu berjaya menarik perhatian pengunjung yang memperuntukkan kira-kira 15 minit meneliti 40 gambar sepanjang kepemimpinan Najib, malah turut teruja merakamkan kenangan di hadapan koleksi gambar terbabit.



Pengunjung tidak melepaskan peluang membelek buku 'Najib Razak 40 Years 40 Pictures' di ruang legar KL Sentral, semalam.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

Pelajar kolej swasta, Hawa Shamusuddin, 19, berkata beliau terharu dengan usaha The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) sebagai penganjur pameran kerana memberi peluang kepadanya menyelami suasana era pemerintahan Najib pada tahun 70-an dan 80-an.

"Kebanyakan gambar dirakamkan ketika saya belum lahir lagi. Pameran ini banyak membantu saya mendapat

gambaran jelas bagaimana kehidupan rakyat terutama ibu bapa saya pada waktu itu.

Papar kesungguhan PM

"Setiap gambar dipaparkan menunjukkan kesungguhan Perdana Menteri memimpin negara ini. Beliau mengabdikan dirinya selama lebih 40 tahun untuk meneruskan kejayaan legasi kepemimpinan bapanya demi memastikan rakyat negara ini hidup aman dan mak-

mur," katanya yang tertarik dengan gambar Perdana Menteri bersama Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali ketika memegang jawatan Menteri Belia dan Sukan pada tahun 1986.

Pesara kerajaan, Hanifah Hamid, 77, pula berkata, koleksi 40 gambar itu memberi 1,001 nostalgia kepadanya kerana melihat sendiri satu persatu kejayaan dicapai Perdana Menteri sepanjang karier politiknya.

"Saya meniti usia tua bersama kepemimpinan Najib. Daripada beliau hanya Ahli Parlimen Pekan sehingga dilantik menjadi menteri penuh, Najib tidak pernah gagal menggalas sebarang tanggungjawab diberikan.

"Pameran ini memberi manfaat dan membuka mata anak muda ketika ini mengenai kesungguhan Najib membangunkan negara terutama cabaran membangunkan ekonomi anak Melayu," katanya.

Buku *Najib Razak 40 Years 40 Pictures* yang memaparkan koleksi 40 gambar eksklusif pembabitan Perdana Menteri dalam politik, dilancarkan Rabu lalu oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Naskhah edisi khas terbitan NSTP itu adalah sebahagian daripada pengisian kempen sambutan ulang tahun ke-40 kerjaya politik Perdana Menteri, bermula 21 Februari 1976 apabila memenangi kerusi Parlimen Pekan menggantikan bapanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.